

AKTA RAHSIA RASMI 1972

(AKTA 88)

Disampaikan oleh

Nurul Ezza Binti Mausar

JPBNS

PENGENALAN

- ✓ Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlindungan rahsia rasmi.
- ✓ Akta ini berkuatkuasa pada 01 Okt 1972.

DEFINISI : RAHSIA RASMI

“**rahsia rasmi**” ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam **Jadual** dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘**Rahsia Besar**’, ‘**Rahsia**’, ‘**Sulit**’ atau ‘**Terhad**’, mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B

Seksyen 2A – Menambah, memotong atau meminda Jadual

- ✓ Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.

Seksyen 2B – Perlantikan pegawai untuk mengeluarkan surat rasmi, dsb.

- ✓ Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengeluarkan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau bahan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan.

SEKSYEN 2C – PENGELASAN SEMULA RAHSIA RASMI OLEH MENTERI ATAU PEGAWAI AWAM

- ✓ Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, Jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa surat yang dinyatakan dalam Jadual atau apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, surat, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.

Seksyen 3 – Penalti bagi Pengintipan

Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang :

- menghampiri, memeriksa, melalui atau berada disekitar atau memasuki sesuatu tempat larangan;
- membuat sesuatu suratn yang dikira menjadi atau yg mungkin atau yg dimaksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sesuatu negara asing;
- mendapatkan, mengumpul, merakam, menyiar atau menyampaikan kepada seseorang lain sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratn atau maklumat yg dikira menjadi atau yg mungkin menjadi berguna secara langsung atau tak langsung kepada sesuatu negara asing,

Maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan **penjara seumur hidup**.

Seksyen 4 (1) – Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan

- ✓ Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan **penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun.**

Seksyen 7A - Kewajipan melapor permintaan bagi maklumat dll

- SESEORANG yang dengan apa juga cara dihampiri oleh mana-mana orang lain secara langsung atau tak langsung bagi mendapatkan atau membekalkan kepada orang itu suatu rahsia rasmi atau perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh yang rasmi yang –
 - (a) berhubungan dengan sesuatu tempat larangan...
 - (b) berhubungan dengan kelengkapan perang dan....
 - (c) telah dibuat atau didapatkan bersalahan dgn Akta ini, atau
 - (d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam.
 - (e) dibuat atau didapati, atau dia mempunyai akses ...
- selain dari menjalankan tugasnya, hendaklah dengan serta merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yg berpangkat Inspektor atau ke atas,
- jika **PEGAWAI AWAM** adalah mencukupi melaporkan secara bertulis kpd Ketua Jabatan
- Sekiranya tidak mematuhi di atas, telah melakukan kesalahan yang boleh di hukum dengan **penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.**

Seksyen 7B – Meletakkan diri ke dalam kepercayaan ejen negara asing.

- ✓ Seseorang yang melakukan perbuatan meletakkan atau mungkin meletakkan dirinya dalam kepercayaan mana-mana agen negara asing adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan **penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.**

Seksyen 8 – Menyampaikan rahsia rasmi dengan salah

- menyampaikan;
- menggunakan;
- menyimpan dalam milik;
- tidak menjaga rahsia rasmi dengan cara yang berpatutan; atau
- bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan sesuatu rahsia rasmi,

Penjara tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun

Seksyen 9 – Menggunakan Pakaian Seragam tanpa kuasa, memalsukan laporan, pemalsuan, penyamardirian dan surat-palsu

- ✓ Seseorang dapat masuk atau membantu seseorang lain supaya dapat masuk ke suatu tempat larangan yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia –
 - (a) menggunakan atau memakai, tanpa kuasa yang sah, apa-apa pakaian seragam;
 - (b) menggunakan apa-apa nama samara;
 - (c) membuat pernyataan palsu;
 - (d) memalsukan, mengubah, mencatitkan, melupuskan atau membinasakan dokumen rasmi;
 - (e) menyamar diri; atau
 - (f) menggunakan (kunci, lencana, alat, acuan, meterai, cap etc) sesuatu perkhidmatan awam
- ✓ **Kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih 7 tahun atau kedua-duanya.**

SEKSYEN 9(2) JIKA, BAGI APA-APA MAKSUD YANG MUDARAT KEPADA KESELAMATAN ATAU KEPENTINGAN MALAYSIA, SESEORANG

- menyimpan suratan rasmi.....
 - membenarkan seseorang lain memiliki
 - tidak memulangkannya....
 - ada dalam miliknya sesuatu anak kunci...
- ✓ dengan diketahui membuat pernyataan palsu adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan **penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.**

SEKSYEN 11 - KEWAJIPAN MEMBERI MAKLUMAT DIMINTA OLEH :-

- Pegawai Polis berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor;
- Anggota angkatan tentera;
- Pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri

Apabila seseorang tidak memberi maklumat yang diminta ia adalah melakukan suatu **kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.**

SEKSYEN 13(1) - MELINDUNG

“**melindung**” termasuklah memberi kepada seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang, pakaian, senjata, peluru, atau kenderaan, atau menolong seseorang dengan apa-apa jalan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

Seorang yang mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mensyaki seseorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini -

- ✓ melindungi orang lain itu; atau
- ✓ membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun dimana-mana premis yg didudukinya ...

Penjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.

SEKSYEN 13 (2) - MELINDUNG

Jika seseorang tidak menzahirkan apabila diminta maklumat tentang Seksyen 13 (1) maka ia adalah melakukan suatu **kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada 7 tahun atau denda tidak lebih 10, 000 atau penjara tidak lebih 7 tahun atau kedua-duanya.**

SEKSYEN 14 - PERCUBAAN, PENGAPIAN DSB.

Jika seseorang -

- mencuba melakukan sesuatu kesalahan
- mengajak-ajak atau mengapiakan atau berusaha memujuk atau bermuafakat...
- membantu / menyubahati / melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan ...

maka ia boleh dikenakan hukuman-hukuman yang sama, dan diambil tindakan dengan cara yang sama seolah-olah ia telah melakukan kesalahan itu.

Seksyen 16A- Perakuan Oleh Pegawai Awam Menjadi Keterangan Yang Konklusif.

Perakuan oleh ketua pentadbiran awam bagi mana-mana perkhidmatan awam yang memperakukan suatu surat rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan yang ianya suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa surat, maklumat atau bahan itu adalah rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

SEKSYEN 17A - PEMBELAAN SEDIA ADA KEPADA PEGAWAI AWAM

- ✓ Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya.

Seksyen 18 – Kuasa Menangkap

- Orang yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau disyaki dengan munasabah telah melakukan atau cuba melakukan atau hampir hendak melakukan kesalahan itu boleh ditangkap tanpa waran.
- Orang yang dalam tempat larangan didapati melakukan atau disyaki melakukan perbuatan bersalahan di bawah Akta ini boleh ditangkap dengan atau tanpa waran oleh pegawai polis/anggota angkatan tentera & hendaklah dibawa dengan serta merta ke hadapan seorang Majistret.

Seksyen 19 – Kuasa-Kuasa bagi menggeledah dan mengambil

DENGAN WARAN

- Apabila Majistret mendapati dari maklumat dan selepas penyiasatan bahawa sebab-sebab yang munasabah ada bagi mempercayai bahawa di suatu tempat ada suatu keterangan mengenai berlakunya kesalahan di bawah Akta 88, boleh, dengan waran yang diarahkan kepada pegawai polis memberikuasa kepada pegawai itu untuk memasuki tempat itu dengan kekerasan jika perlu dan mencari, mengambil dan menahan suatu keterangan itu.

TANPA WARAN

- Apabila pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor mendapati bahawa sebab-sebab yang munasabah ada bagi mempercayai di sesuatu tempat ada disembunyikan atau disimpan sesuatu keterangan atau mengenai berlakunya sesuatu kesalahan yang ditetapkan dan pegawai polis itu ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh kerana kelewatan bagi mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin kecewa, ia boleh menjalankan di tempat itu dan berkenaan dengan tempat itu segala kuasa dengan langkah yang sepenuh dan secukup seolah-olah ia diberi kuasa berbuat demikian dengan waran yang dikeluarkan di bawah ss 19 (1) Akta 88.

Seksyen 20 – Kuasa-kuasa khas mengenai penyiasatan

- Pendakwa Raya boleh memberikuasa kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Penolong Penguasa membuat penyiasatan mengikut cara/kaedah yang dinyatakan dalam perintah.
- Perintah itu boleh membenarkan disiasat suatu surat yang mungkin ada pada seseorang atau di suatu tempat dan hendaklah menjadi kuasa yang cukup untuk seseorang menzahir atau mengemukakan segala atau sesuatu maklumat atau akaun atau benda atau surat yang dikehendaki oleh pegawai yang diberikuasa sedemikian
- Seseorang yang tidak atau enggan menzahirkan maklumat tersebut atau tidak atau enggan mengemukakan akaun atau benda atau surat tersebut kepada orang yang diberikuasa adalah melakukan **kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara atau kedua-duanya.**

SEKSYEN 30A - MENTERI BOLEH MEMBUAT PERATURAN- PERATURAN BAGI MELAKSANAKAN MAKSUD AKTA INI.

- a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, surat dan bahan-bahan lain;
- b) menetapkan prosedur bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran surat rahsia rasmi dan maklumat-maklumat lain;
- c) menetapkan cara melupuskan surat rasmi yang dibuang;
- d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;

e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan mana-mana maklumat atau benda;

f) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalti-penalti tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan

g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaun mana-mana kesalahan seperti itu.

Contoh Soalan

2009

Apakah yang dimaksudkan dengan “melindung” menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan adakah menjadi kesalahan bagi seseorang yang memberi maklumat palsu kepada pegawai polis dengan niat untuk melindungi seseorang yang dia percaya melakukan kesalahan di bawah Akta tersebut.

2012

Di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, kuasa untuk menangkap, menggeledah dan menyita hanya boleh dijalankan oleh orang-orang tertentu. Siapakah orang-orang itu dan dalam keadaan manakah mereka boleh menjalankan kuasa-kuasa tersebut?

MEI 2013

Di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, seorang pegawai polis boleh apabila diarahkan oleh Pendakwa Raya untuk melakukan siasatan apabila Pendakwa Raya berpuashati adanya alasan munasabah untuk mengesyaki suatu kesalahan di bawah Akta telah atau hampir hendak dilakukan oleh seseorang itu. Huraikan prosedur berdasarkan kepada Akta tersebut.

OKT 2013

Jelaskan 5 jenis kesalahan berserta hukuman di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972.